

CNS9606

U GB 30-05 00195 BA428

bah

Mahathir-janji

MAHATHIR JANJI JADIKAN SABAH NEGERI KAYA SEPERTI DULU

KOTA KINABALU, 30 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berjanji bahawa kerajaan pusat akan mengembalikan imej Sabah sebagai negeri terkaya di Malaysia seperti satu masa dahulu jika Barisan Nasional (BN) kembali memerintah di negeri ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN akan mentadbir Sabah sehingga menjadi negeri maju seperti yang telah dilakukan sehingga Malaysia kini menjadi maju dan kaya.

"Ini janji Barisan Nasional. Seperti mana kita telah tadbir Malaysia sehingga menjadi maju, BN juga akan tentukan supaya Sabah maju semula," katanya pada perasmian Perhimpunan Agung ke2 Parti Liberal Demokratik (LDP) di Dewan Sekolah Menengah Kian Kok di Jalan Tuaran di sini hari ini.

LDP merupakan parti komponen BN Sabah selain UMNO Sabah, Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) dan MCA.

Sambil mengakui bahawa Sabah sememangnya mempunyai kekayaan, Dr Mahathir berkata apa yang diperlukan di negeri ini ialah pentadbiran yang berkesan untuk menggantikan pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS), yang menurutnya, tidak mungkin dapat berbuat demikian.

Sabah, yang mempunyai 1.7 juta penduduk pelbagai kaum, kaya dengan hasil hutan dan petroleum. -- Lagi

▼30/05/14-00MST

CNS9607

U GB 30-05 00116 BA429

bah

Mahathir-Janji 2 Kota Kinabalu

Perdana Menteri berkata BN tidak akan membuat janji kosong yang tidak mungkin dapat ditunaikan.

"Inilah janji kita secara terbuka. Saudara-saudara semua menjadi saksi. Kita tidak buat janji secara main-main. Ini bukan janji politik. Kita akan tunaikan," katanya disambut dengan tepukan gemuruh kira-kira 1,500 hadirin.

Beliau menggesa rakyat Sabah menyokong parti-parti komponen BN Sabah pada setiap kali pilihan raya diadakan agar hasrat itu tercapai.

Katanya, apabila kerajaan BN ditegakkan di negeri ini, ia akan "memberi yang terbaik" untuk Sabah.

Beliau berkata kerajaan Pusat juga akan memastikan kerajaan negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional mendapat bantuan secukupnya untuk membangun. -- Lagi

▼30/05/14-04MST

CNS9608

U GB 30-05 00138 BA430

bah

Mahathir-janji 3 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa memenuhi janjinya seperti yang terbukti dengan kejayaan yang telah dicapai oleh negara selama ini.

"Kita sentiasa penuhi janji. Jika kita janji mahu menjadikan Malaysia maju, kini dunia menghormati kita sebagai negara maju. Kita janji mahu tukarkan imej Malaysia daripada negara pengeluar komoditi kepada negara industri, kini 69 peratus eskport negara terdiri daripada barangan siap.

"Bila kita rancang nak buat kereta, ramai yang ketawa malah ada yang bayangkan kereta lembu di Melaka. Tetapi kereta lembu itu kini laris dijual di England," katanya.

Beliau berkata apabila kerajaan membuat janji, ia tahu janji itu boleh dipenuhi. "Kita tidak membuat janji yang tidak dipenuhi."

Bagaimanapun, katanya, janji itu tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya pemerintahan negeri ini tidak ditukar. -- Lagi

▼30/05/14-04MST

bah

Mahathir-janji 4 Kota Kinabalu

Beliau berkata Sabah mempunyai potensi yang sama untuk membangun seperti di negeri-negeri lain.

"Jika BN memerintah, saya yakin Sabah akan tumbuh dengan pesat dan menjadi sebuah pusat perdagangan terkemuka," katanya.

Dr Mahathir berkata sepatutnya Sabah hari ini menjadi sebuah negeri terkaya di Malaysia kerana ia mempunyai sumber kekayaan.

Malah, katanya, Sabah pernah dianggap sebuah negeri yang kaya dengan rakyatnya mewah berbelanja berbanding penduduk di Semenanjung.

Malangnya, kata Perdana Menteri, apabila PBS memerintah, bukan sahaja negeri ini tidak lagi kaya, rakyatnya juga terpaksa "lari" ke Sarawak dan negeri di Semenanjung untuk mencari pekerjaan.

"Saya teringat dulu, orang Sabah bawa wang tunai dalam beg. Mereka belanja Rm1 untuk minum kopi tetapi baki duit Rm10 tidak ambil. Orang Semenanjung hanya terliur," katanya.

Beliau berkata pekerja balak di Sandakan juga dulunya mewah berbelanja sehingga para peniaga tumpang senang dan ekonomi terus berkembang. -- Lagi

▼30/05/14-17MST

CNS9617

U GB 30-05 00138 BA434

bah

Mahathir-janji 5 Kota Kinabalu

Perdana Menteri berkata slogan "Sabah untuk orang Sabah" yang dilaungkan oleh pemimpin PBS sebenarnya untuk kepentingan politik peribadi terutama Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan, keluarga dan rakan-rakannya.

PBS cuba bangkitkan sentimen bencikan kerajaan Pusat dan kononnya sayangkan Sabah tetapi "kenapa Sabah dibiarkan ketinggalan?" katanya.

Katanya, ketika negeri-negeri lain bergerak maju, hanya Kelantan dan Sabah sahaja yang masih ketinggalan.

Mengenai kerajaan campuran PBS-USNO, Dr Mahathir berkata Pairin dapat meroboh perpaduan dalam USNO dengan menghulurkan jawatan dan kenaikan gaji kepada segelintir pemimpin USNO.

Beliau berkata perjuangan politik mesti berasaskan prinsip dan perasaan sayang kepada negara di samping negeri.

"Kita juga sayangkan Sabah kerana ia sebahagian daripada Malaysia. Ia bukan monopoli orang Sabah sahaja. Orang Semenanjung juga sayang pada Sabah. -- Lagi

♥30/05/14-40MST

CNS9619

U GB 30-05 00092 BA435

bah

Mahathir-janji 6 (akhir) Kota Kinabalu

"Kita berjuang untuk tegakkan kerajaan yang mampu berkhidmat untuk rakyat dan negara," katanya.

Beliau berharap rakyat Sabah tidak berpandangan sempit dan kenegerian, kerana menurutnya, "jika kita kata kita orang Malaysia, kita akan dihormati di seluruh dunia.

"Sabah akan terus untuk orang Sabah. Malaysia juga adalah untuk orang Malaysia termasuk orang Sabah juga."

Dr Mahathir juga berkata tindakan kerajaan negeri melarang eksport balak bukan sahaja merugikan kerajaan malah rakyat Sabah juga. -- Lagi

MOK MIB

♥30/05/14-42MST

bah mex

Mahathir-janji 7 (Akhir) Kota Kinabalu

Sebelum itu, presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Encik Chong Kah Kiat, berkata masanya telah tiba bagi rakyat Sabah bangun dan menentang apa yang didakwa "kepalsuan" pemerintahan PBS.

"Ini hanya dapat dilakukan dengan mengembalikan kerajaan sekarang kepada BN," kata beliau.

Chong juga mendakwa Sabah kehilangan pendapatan berjuta-juta ringgit daripada hasil eksport balak yang diisytiharkan di bawah harga pasaran.

Beliau juga mempersoalkan tindakan kerajaan PBS menggantikan sijil Amanah Rakyat Sabah dengan sijil Amanah Rakyat Negeri Sabah yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat yang tidak mempunyai sebarang harta dan konsesi balak.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sebagai merampas saham rakyat Sabah dalam Yayasan Sabah. -- Bernama

ZAA MIB